

09 OCT 1997

LEBIH 100 FIRMA RUSIA NAK SERTAI TECHXCHANGE '97

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Lebih daripada 100 syarikat Rusia akan mengambil bahagian dalam satu pameran dan persidangan mengenai teknologi Rusia di sini pada 14 hingga 17 Okt.

Pameran dan persidangan "TechXchange 97" itu bertujuan untuk memperkenalkan teknologi Rusia di kalangan ahli perniagaan Malaysia, kata Datuk Mohd Radzi Manan, pengerusi eksekutif Le Proton LIMA Sdn Bhd, kepada pemberita hari ini. Turut sama pada persidangan berita itu ialah duta Rusia ke Malaysia, Vitali Y. Vorobiev dan beberapa orang tokoh perniagaan negara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual akan merasmikan TechXchange 97.

Mohd Radzi berkata acara yang dianjurkan secara bersama oleh Le Proton Exhibition Services Sdn Bhd dan beberapa buah syarikat Rusia, akan memberikan kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia satu lagi pilihan untuk teknologi selain dari Amerika Syarikat dan Jepun.

Menurut beliau Rusia mahu berkongsi kepakaran teknologinya dengan negara-negara di rantau ini, terutama Malaysia, dan antara teknologi yang ditawarkan ialah dalam bidang aeroangkasa, elektronik dan sistem optikal, maklumat, komunikasi, pemaliman dan sistem keselamatan perubatan.

Vorobiev berkata 150 pakar dan ahli perniagaan Rusia akan menyertai dalam TechXchange '97, dan 80 daripada mereka akan tiba esok.

"Kepada orang Rusia, Malaysia adalah sesuatu yang baru. Kami harap pameran dan persidangan itu akan memperkukuhkan lagi hubungan antara masyarakat perniagaan kedua-dua negara," tambahnya. -- BERNAMA

HT SIA